

# Pakar Amerika, Mardi bekerjasama hapus penyakit tanaman

Oleh Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR, Rabu – Pakar bioteknologi tanaman dari Missouri, Amerika Syarikat akan bekerjasama dengan Mardi untuk menghapuskan penyakit tanaman bawaan serangga terhadap tanaman padi di negara ini.

Projek penyelidikan bioteknologi itu akan ditaja oleh syarikat pembuat pesawat Amerika, Boeing dengan peruntukan AS\$50,000 (RM190,000).

Projek yang diketuai Presiden Pusat Sains Tanaman Donald Danforth, Roger N Beachy, di Missouri itu akan menyediakan penyelesaian kejuruteraan genetik bagi memerangi serangga yang menyerang **nokok padi**.

Perkara ini diumumkan Senator Missouri, Christopher S Bond, selepas mengakhiri lawatan dua hari di sini, petang ini.

Bond yang juga Anggota Jawatan-kuasa Perniagaan Kecil Senat Parti Republikan berkata, tajaan itu diharapkan akan menjadi pendorong lebih banyak syarikat lain untuk menaja projek seumpamanya.

Beliau berkata, kerjasama itu selain dimanfaatkan oleh industri pertanian Malaysia, juga akan mengukuhkan hubungan dua hala Amerika-Malaysia yang sedia terjalin.

Katanya, Missouri, negeri pengeluar utama kacang soya dan jagung bagi Amerika, terkenal dalam kemajuannya dalam bidang bioteknologi dan memiliki ramai pakar dalam bidang berkenaan.

Bond berkata, beliau juga sudah mengemukakan hasrat mengenai usaha sama itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa lawatannya ke Putrajaya, tengah hari ini.

Dalam perkembangan lain, Bond turut melahirkan harapan Malaysia supaya mempertimbangkan pembelian pesawat terbaru tentera bertaraf dunia Boeing F/A-18E dan F/A 18F Super Hornet.

Pesawat F/A-18E Super Hornet adalah pesawat satu tempat duduk manakala F/A-18F dilengkapi dua tempat duduk.

Kedua-dua pesawat itu direka bentuk untuk menggantikan pesawat F/A-18C dan F/A-18D atau Hornet yang kini digunakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia.

Bond berkata, pesawat itu sudah diuji keseluruhannya dan disifatkan sebagai pesawat pejuang tentera paling lengkap di dunia masa kini.

Katanya, cadangan itu sudah diumumkan kepada Dr Mahathir dalam perjumpaan mereka tengah hari tadi.